

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** Y.B. DATO' KAMARUL BAHRIN BIN ABBAS  
[ TELOK KEMANG ]

**TARIKH :** 7.10.2014

**SOALAN :**

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [ Telok Kemang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) berapakah jumlah sekolah yang telah mendapat kemudahan Frog Virtual Learning Environment VLE; dan
- (b) setakat mana keberkesanan sistem Frog VLE ini mampu memberikan kesan pembelajaran yang baik kepada pelajar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 10,132 buah sekolah telah disediakan kemudahan *Virtual Learning Environment (VLE)*.
- (b) VLE mula diperkenalkan pada tahun 2012. Pada dua (2) tahun yang pertama pelaksanaannya, penerimaan kaedah pembelajaran yang baharu ini agak perlahan, namun ianya meningkat dengan menggalakkan dari semasa ke semasa. VLE yang merupakan pelantar pembelajaran maya boleh digunakan oleh semua sekolah, guru, murid, ibu bapa/penjaga dan pihak-pihak

berkenaan yang dibekalkan ID dan kata laluan, boleh diakses di mana-mana sahaja dan pada bila-bila masa. VLE juga berupaya mengurus dan menyimpan objek pembelajaran dalam bentuk imej, video dan teks. Berdasarkan kepada kemudahan yang diperoleh melalui penggunaan pelantar VLE ini, sudah pasti akan memberikan impak yang sangat baik kepada murid dan guru dalam pembelajaran.

RJM07